



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2 petang 5 Februari 2024.

Untuk Terbitan Media  
5 Februari 2024

## SIARAN MEDIA

### **MENTERI SUMBER MANUSIA KOMITED PERLUAS JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL KEPADA PEKERJA GIG INDUSTRI MEDIA DAN KREATIF ALERT: STEVEN SIM SERAH BANTUAN RM4207.20 PERALATAN PERUBATAN UNTUK RINGANKAN BEBAN**

---

**SHAH ALAM:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) komited dalam memperluas jaringan keselamatan sosial kepada pekerja selaras dengan perkembangan semasa terutamanya risiko seperti perubahan iklim, teknologi, pola ekonomi dan pasaran kerja.

Ini adalah inisiatif progresif bagi merapatkan jurang pekerja yang bekerja di sektor tidak formal yang masih tidak dilindungi.

Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong memaklumkan, beliau memahami cabaran industri media dan kreatif yang perlu bekerja di luar waktu konvensional, *on the go* yang memerlukan jaringan keselamatan yang holistik dan terjamin.

“Berikutan itu, cadangan untuk memperluas jaringan keselamatan sosial kepada petugas media meliputi wartawan bebas, sambilan serta kontrak termasuk pekerja di industri kreatif merangkumi penggiat seni yang dianggarkan hampir 30,000 orang (Anggaran 3,000 hingga 4,000 wartawan dan 25,000 penggiat seni) akan diteliti.

“Satu perbincangan akan diadakan bersama Menteri Komunikasi, YB Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil berkenaan cadangan ini dan diyakini kolaborasi antara kementerian ini akan dapat diimplementasi dalam masa terdekat,” katanya ketika ditemui wartawan ketika mengadakan lawatan prihatin ke rumah penerbit rancangan di RTM.

Terdahulu, beliau berkesempatan menyantuni petugas bilik berita Radio Televisyen Malaysia (RTM), Marlia Mohamed yang menghidapi diabetes telah menjalani pembedahan pemotongan kaki sehingga peha di Pusat Perbuatan Universiti Malaya (PPUM).

Beliau telah bertugas di RTM sejak 2006, sedang berehat di rumahnya di Seksyen 9, Shah Alam kini sedang menjalani proses pemulihan dan akan melaksanakan fisioterapi bagi tujuan pemulihan anggota badan.

“Atas dasar prihatin saya dengan kerjasama PERKESO telah menyerahkan bantuan bernilai RM4,207.20 seperti lampin pakai buang, tisu basah, kerusi roda dan katil elektrik.

“Saya berharap dengan bantuan ini sedikit sebanyak mampu meringankan beban kos pemulihan yang ditanggung beliau,” jelas Steven Sim lagi.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**5 Februari 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**